

16/10/1997

30,000 ahli NUBE pakai lencana sokong PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Sebahagian besar daripada 30,000 anggota Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank (NUBE) hari ini mula memakai lencana khas sebagai tanda sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lencana bertulis 'NUBE Menyokong Dr Mahathir' itu akan dipakai selama tiga hari oleh anggota kesatuan itu sebagai menghargai jasa Perdana Menteri terhadap pembangunan negara.

Setiausaha Agung NUBE, K Sanmugam, berkata hampir keseluruhan ahlinya di luar Kuala Lumpur sudah memakai lencana itu.

Tinjauan Berita Harian mendapati, kebanyakan mereka berpendapat tindakan itu wajar sebagai menyokong usaha Dr Mahathir menangani pelbagai masalah negara, termasuk isu kejatuhan nilai ringgit.

Seorang kerani sebuah bank tempatan, Azman Aziz, 32, berkata beliau berbangga kerana dapat menunjukkan sokongan ikhlas kepada Dr Mahathir yang dianggapnya pemimpin terulung pada masa ini.

"Sebagai rakyat, saya bangga kerana hidup dalam sebuah negara yang makmur di bawah pimpinan Perdana Menteri. Sekarang tibalah masanya kita berdiri teguh dibelakangnya dengan menyokong segala usaha yang dilakukannya.

"Saya juga berharap semua rakyat turut menyokong Dr Mahathir untuk meletakkan Malaysia di mata dunia," katanya ketika ditemui, di sini hari ini.

Seorang lagi pekerja bank, Hayati Yusof, 24, berpendapat dengan memakai lencana itu, beliau dapat menunjukkan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri.

"Walaupun negara kita menghadapi krisis mata wang, ia bukanlah sebab kita berhenti menyokong kepimpinan Dr Mahathir. Kita harus sedar bahawa keamanan dan kemakmuran yang kita nikmati selama ini adalah hasil daripada usaha gigih Perdana Menteri," katanya.

Seorang lagi kakitangan bank tempatan, Norsiaty Musa, 22 berkata beliau yakin kepemimpinan negara di bawah pentadbiran Dr Mahathir mampu mengatasi masalah kejatuhan nilai ringgit.

"Langkah berjimat cermat yang dicanangkan oleh kerajaan adalah satu idea yang mapan untuk menangani masalah itu," katanya.

Menurutnya, arahan memakai lencana itu diterima dengan hati terbuka sebagai tanda sokongan yang jitu kepada Perdana Menteri.

Rakannya, Herni Abdullah, 24, berkata segala pengorbanan Dr Mahathir perlu dihargai serta disanjung dan tidak ada sebab rakyat tidak menyokong Perdana Menteri.

(END)